PENILAIAN DAN PENJANAAN SEMULA KONDUIT SARAF YANG DISEMAI DENGAN SEL STEM MESENKIMA SUM-SUM TULANG YANG DIARUH KEPADA FENOTIP SEL SARAF

NUR HIDAYAH BINTI HASSAN

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SAINS PERUBATAN

FAKULTI PERUBATAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR

2012

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 September 2012

NUR HIDAYAH BINTI HASSAN
P45925

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Bersyukur ke hadrat Ilahi di atas segala rahmat yang telah dikurniakan Olehnya. Dengan izin dan hidayahNya, penat lelah selama dua tahun kini berjaya dibukukan.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Shalimar Abdullah selaku penyelia utama kepada penyelidikan yang dijalankan ini dan kepada Profesor Madya Dr Amaramalar Selvi Naicker, Profesor Dr Ruszymah Hj Idrus serta Dr Angela Ng Min Hui selaku penyelia bersama. Jutaan terima kasih di atas segala tunjuk ajar, nasihat, teguran dan bantuan yang diberikan tanpa mengenal erti putus asa. Tidak dilupakan pengalaman paling berharga yang diperolehi sepanjang kajian ini dijalankan. Ribuan terima kasih kepada rakan-rakan sepejuangan di Pusat Kejuruteraan Tisu PPUKM iaitu Mohd Yazid Abd Ghani, Muhammad Azhan Ubaidah, Muhamad Fikeri Ishak dan Mohd Hairul Nizam Harun yang banyak memberi sokongan moral dan bantuan dikala diperlukan.

Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada kakitangan dan pelajar siswazah Pusat Kejuruteraan Tisu, Kakitangan Jabatan Ortopedik & Traumatologi, Kakitangan Rumah Haiwan, Fakulti Sains & Teknologi, serta Kakitangan Unit Elektron Mikroskop, UKM Bangi atas pertolongan yang diterima. Tidak ketinggalan terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Invosi di atas bantuan kewangan yang telah diberikan melalui geran e-Science 02-01-02-SF0445 bagi membolehkan projek ini dapat dilaksanakan dengan jayanya, Kementerian Pengajian Tinggi dan Biasiswa Zamalah yang menaja yuran pengajian dan kos sara hidup sepanjang saya berdaftar sebagai pelajar.

Penghargaan yang paling istimewa ditujukan khas buat En. Hassan Bin Abdul Samad (bapa) dan Pn. Hindon Binti Abd Rahim (ibu) di atas kasih sayang, dorongan dan doa yang tidak putus-putus diberikan sepanjang pembelajaran anakanda. Tidak ketinggalan buat adik-adik tersayang, Nur Asikin, Muhammad Taufiq, Muhammad Azmi dan Nur Fatihah. Syukur di atas pertolongan, sokongan, dorongan, doa dan semangat yang telah dicurahkan selama ini.
Terima Kasih semua.

ABSTRAK

Penyambungan saraf yang terputus menggunakan saraf penderma autologous adalah rawatan piawai untuk pesakit yang mengalami kecederaan saraf periferi. Namun, rawatan yang digunakan ini mempunyai kelemahan seperti perbezaan saiz saraf penderma dengan saraf penerima, memerlukan pembedahan kedua untuk memperolehi saraf penderma dan risiko neuroma di kawasan pembedahan kedua. Untuk mengatasi masalah tersebut, kajian ini dijalankan untuk menjana saraf gantian melalui teknik kejuruteraan tisu menggunakan sel stem mesenkima daripada sum-sum tulang manusia. Sel stem mesenkima (MSCs) manusia diperolehi daripada lebihan sum-sum tulang pesakit yang menjalani pembedahan tulang yang patah. MSCs dikultur dalam media α-Minimum Essential (α-MEM) sebelum diaruh menjadi sel saraf. Analisa immunositokimia dan aliran sitometri mengesahkan kejayaan proses diferensiasi MSCs kepada sel saraf. Sel yang telah menjalani proses diferensiasi ini turut mengekalkan profil kitaran sel normal. Salur vena dan tisu otot ternyah sel digunakan sebagai bahan kerangka yang menyerupai struktur saraf normal. Bagi menghasilkan konstruk saraf yang hidup, sel MSCs yang diaruh kepada fenotip sel saraf disemai ke atas tisu otot semalaman dan dipadatkan ke dalam salur vena pada keesokkan harinya. Konstruk saraf yang dihasilkan akan diinkubasi dalam media α-MEM selama 3 hari untuk analisa in vitro dan diimplantasi pada mencit athymik untuk analisa in vivo. Kontruk saraf di kedua-dua peringkat in vitro dan in vivo menunjukkan kadar proliferasi sel yang baik. Analisa histologi pada minggu kedua menunjukkan tisu otot mula mengalami proses degradasi dan perlahan-lahan diganti dengan matrik luar sel yang dihasilkan oleh sel yang disemai. Selepas lapan minggu implantasi, kesemua tisu otot telah mengalami proses degradasi dan diganti sepenuhnya dengan matrik luar sel. Salur vena masih utuh walaupun selepas lapan minggu implantasi. Analisa struktur ultra menunjukkan sel yang disemai menghasilkan matrik luar sel dengan merembeskan vasikel matrik secara aktif. Kesimpulannya, tisu otot ternyah sel yang disemai dengan sel MSCs yang diaruh kepada fenotip sel saraf dan dipadatkan ke dalam salur vena menghasilkan konstruk saraf yang stabil dan berpotensi untuk menggantikan penggunaan saraf autologus di masa hadapan.

DEVELOPMENT AND EVALUATION OF NEURAL CONDUIT SEEDED WITH NEURO DIFFERENTIATED BONE MARROW MESENCHYMAL STEM CELLS

ABSTRACT

Bridging nerve gaps using autologous donor nerve is the treatment of choice for patients with peripheral nerve injury. However, it has disadvantages such as size mismatch between donor and recipient nerve, requirement of a second surgery for the extraction of donor nerve and risk of neuroma. To overcome these problems, this study aimed to construct a human nerve substitute via tissue engineering technique using mesenchymal stem cells (MSCs) derived from human bone marrow. Excess bone marrow was derived from patients who underwent a routine fracture management procedure called the IM nailing procedure where a nail was inserted into the medullary canal of a fractured long bone. The acquired MSCs were cultured in α-Minimum Essential Medium (α-MEM) followed by induction with a neuro differentiation protocol. Immunocytochemistry and flow cytometry analysis confirmed the successful neuro differentiation of the MSCs. These cells retained the normal cell cycle profile. Human muscles and veins were decellularized and used to form a nerve conduit that mimicked native nerve structure. To form a living nerve conduit, neuro differentiated MSCs were seeded on decellularized and hydrolyzed muscles overnight and then stuffed into a decellularized vein the next day. The nerve construct was incubated in α-MEM for 3 days for in vitro analysis and implanted into athymic mice for in vivo analysis. Both in vitro and in vivo analyses showed good cell proliferation within the conduit. Histology analysis demonstrated that at two week post implantation, these muscles started to degrade and gradually became replaced by extracellular matrix produced by the seeded cells. At eight weeks post implantation, the muscles were fully degraded and completely replaced by extracellular matrix while the veins remained intact. Ultra structural analysis further revealed that these seeded cells actively produced extracellular matrix via secretion of matrix vesicles. In conclusion, decellularized muscle stuffed vein seeded with neuro differentiated MSCs forms a stable neural conduit and has the potential to replace autologous nerve in future.

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL



SENARAI RAJAH



SENARAI SINGKATAN

kg	Kilogram
cm	sentimeter
mm	milimeter
%	peratus
µm	mikron
µl	mikroliter
ml	mililiter
cm^2	sentimeter persegi
µM	mikro molar
µg/ml	mikro gram per mililiter
ng/mL	nano gram per mililiter
N	Normal
MSCs	Sel Stem Mesenkima
HSCs	Sel Stem Hematopoitik
SCs	Sel Schwann
IL-1	Interleukin 1

BAB I

PENGENALAN

1.1 KEJURUTERAAN TISU

Kejuruteraan tisu adalah satu bidang bioteknologi yang berkembang dengan cepat dan menggabungkan pelbagai disiplin ilmu yang melibatkan biologi, perubatan dan kejuruteraan yang merevolusikan atau mengubah sepenuhnya cara kita mempertingkatkan tahap kesihatan dan kualiti kehidupan berjuta manusia di dunia, dengan cara memulih, mengekalkan atau meningkatkan fungsi tisu atau organ. Dalam erti kata lain, matlamat utama bidang kejuruteraan tisu berdasarkan konsep rawatan ialah untuk menggantikan atau mengembalikan struktur anatomi dan fungsi tubuh yang hilang akibat kecederaan, kerosakkan atau kehilangan tisu atau organ berikutan kemalangan mahupun proses patologi dalam tubuh. Matlamat ini cuba dicapai dengan cara menggabungkan sel, biobahan, faktor biokima dan fisio-kimia bersama faktor pertumbuhan yang tertentu dalam satu persekitaran mikro yang sesuai bagi setiap pertumbuhan tisu atau organ (Ibarra et al 2000; Atala 2000; Lanza 2000).

Definisi lain turut diberikan oleh Charles A. Vacanti dan Langer R. (1993) dalam artikel bertajuk *Tissue Engineering*, dalam jurnal *Science*. Namun begitu, walau bagaimana pun ayatnya diolah, ianya tetap memberikan pengertian dan matlamat yang sama iaitu mengubati penyakit. Menurut CA Vacanti dan Langer R. (1993) kejuruteraan tisu merupakan bidang interdisiplin yang menggabungkan prinsip kejuruteraan dan sains kehidupan dalam aplikasi ke arah pembentukkan bahan ganti biologi yang lebih memfokus kepada penciptaan, pemeliharaan atau pengembalian fungsi organ yang rosak. Selain menyediakan platform untuk mengubati penyakit, di mana tisu tumbuh di dalam badan pesakit atau di luar badan pesakit dan kemudiannya

ditransplantasi semula kepada pesakit, kejuruteraan tisu juga menyediakan platform menggunakan tisu yang dihasilkan secara in vitro untuk kajian metabolisma dan penyerapan dadah, kajian ketoksikkan dan kajian ke atas penyebab penyakit. Pengasasan kejuruteraan tisu untuk aplikasi rawatan atau aplikasi diagnostik adalah untuk memanfaatkan sel hidup dalam pelbagai cara.

Dalam bidang kejuruteraan tisu, sumber sel autologus merupakan sumber terbaik kerana dapat mengelakkan risiko penolakkan imunisasi, risiko penularan penyakit dan masalah mencari penderma yang sesuai. Sel yang digunakan juga adalah sel yang hidup dan berupaya untuk terus berproliferasi. Selain itu, penggunaan biobahan yang menjadi struktur sokongan utama bagi memberi bentuk kepada tisu yang dijana, perlu diselidiki dari segi penerimaan sel terhadap biobahan tersebut dan kesesuaiannya dengan pengguna kerana biobahan yang tidak sesuai akan menyumbang kepada kegagalan graf. Maka dengan itu, biobahan dari sumber biologi dan autologus adalah pilihan terbaik supaya dapat mengembalikan fungsi dan berintegrasi dengan tubuh penerima. Biobahan yang digunakan juga selamat kepada pengguna apabila proses degradasi berlaku tanpa mengakibatkan mudarat kepada pengguna.

Bidang kejuruteraan tisu sudah mula bertapak di negara kita sejak beberapa tahun yang lepas selepas hampir 35 tahun penyelidikan berkaitan kejuruteraan tisu telah dijalankan oleh penyelidik luar (Saim et al. 2000). Ini dibuktikan daripada kajian yang dilaporkan oleh Chick et al. pada tahun 1975 berkenaan kejayaan mereka menjana satu sistem yang melibatkan sel pankreas di simpan di dalam membran separa telap untuk membantu proses pengawalan paras glukosa pesakit diabetes melitus. Namun begitu, sejarah kejuruteraan tisu sebenarnya telah bermula seawal 1970-an oleh pakar tulang kanak-kanak dari Children's Hospital, W. T. Green, M.D yang menjalankan kajian untuk menjana tisu rawan menggunakan sel kondrosit yang disemai di tulang spikul dan diimplan ke atas mencit atymik seperti mana yang dilaporkan oleh Charles A. Vacanti dalam penulisannya yang bertajuk '*The history of tissue engineering*'.

Walaupun kajian ini tidak berjaya, namun ia dapat mencetuskan idea dan membuka mata para penyelidik lain dalam meningkatkan mutu dan kualiti penyembuhan penyakit. Beberapa tahun kemudian, penyelidik daripada Massachusetts General Hospital and M.I.T bergabung menjalankan penyelidikan berkaitan kejuruteraan tisu kulit menggunakan matriks kolagen untuk menyokong pertumbuhan sel fibroblast. Pada tahun yang sama juga ujian klinikal dijalankan ke atas pesakit yang tercedera akibat kebakaran dengan menampal kepingan nipis sel keratonosit di kawasan yang melecur. Bermula dari saat itu, lebih banyak kajian dilakukan terhadap pelbagai jenis tisu seperti telinga (Aminuddin et al. 2003; Cao et al. 1997; Saim et al. 2000), tendon (Cao 2002), kornea (Li et al. 2003; Shimura et al. 2003; Tsai et al. 2003), saraf periferi (Lundborg & Richard 2003; Scherman et al. 2001; Evans et al. 2002; Fansa & Keilhoff 2004; Fawcett & Keynes 1990) dan lain-lain lagi. Selepas pada itu, bermula pula episod penggunaan sel stem dari sumber seperti sum-sum tulang (Pittenger et al. 1999; Pittenger et al. 2000; Prockop 1997; Azizi et al. 1998) dan tisu adipos (Kokai et al. 2005; Prunet-Marcassus et al. 2006; Safford & Rice 2005; Zuk et al. 2001; Strem et al. 2005) yang dipercayai boleh diaruh kepada sel yang dikehendaki. Hingga kini, pelbagai jenis kajian berkaitan kejuruteraan tisu sedang giat dijalankan di seluruh dunia dengan satu matlamat iaitu untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kualiti kehidupan berjuta manusia di dunia.

1.2 PERMULAAN RAWATAN KECEDERAAN TISU SARAF PERIFERI

Usaha awal merawat kecederaan tisu saraf telah bermula seawal tahun 1608. Akan tetapi sehingga abad kesembilan belas barulah pakar saraf mula memfokus kepada usaha pembaikan yang lebih berkesan. Malangnya, kebanyakkan teknik pembedahan yang digunakan untuk menjana semula saraf periferi yang tercedera memberi keputusan pemulihan fungsi yang tidak baik. Oleh itu, alternatif lain diambil bagi mengatasi masalah ini, termasuk menggunakan tulang, tiub logam dan gauze (Gregory 2003). Sehinggalah pada awal tahun 1960an, Millesi memperkenalkan konsep mikrosurgeri yang mana setiap fasikel saraf boleh disambung secara lurus dari hujung distal dan proksimal menggunakan saraf lain sebagai penyambung, dan teknik ini meningkatkan tahap regenerasi saraf dengan berkesan pada waktu itu (Millesi 1990a; Millesi 1990b).

Namun begitu, masa silih berganti, teknik yang diperkenalkan ini menimbulkan beberapa masalah seperti memerlukan pembedahan kedua untuk memperolehi saraf lain sebagai penyambung, menimbulkan rasa sakit atau risiko neuroma pada tempat pembedahan kedua dilakukan, kekurangan bekalan saraf yang sihat dan hanya boleh diaplikasi sekiranya jarak antara dua hujung yang terputus adalah pendek (Bae & Chung; terzis et al. 1997; Oliveira et al. 2004; Trumble & Shon 2000). Sekali lagi membuka mata para penyelidik dunia mencari sumber alternatif dalam mengatasi masalah ini. Dengan itu, pelbagai kajian dilakukan bagi menggantikan saraf yang rosak selain mengembalikan fungsinya. Sehingga kini, masih tiada jalan penyelesaian yang konkrit diperolehi kerana setiap langkah yang digunakan memiliki kebaikan dan keburukkan yang tersendiri. Sebagai contoh, terdapat beberapa kajian mendapati dinding salur vena yang digunakan untuk menyambung dua hujung saraf runtuh walaupun jarak antara dua hujung adalah 2 cm (Tang 1995; Brunelli et al. 2005; Tang 2005). Hasil yang sama juga diperolehi jika hujung disambung menggunakan tisu otot sahaja (Brunelli 2005), walaupun persekitaran di dalam salur vena dan basal lamina tisu otot dipercayai sangat sesuai untuk regenerasi akson.

Oleh itu, kajian ini berfokus kepada penjanaan semula tisu saraf periferi menggunakan salur vena dan tisu otot manusia sebagai biobahan dan sel stem mesenkima yang diaruh menjadi sel saraf sebagai sumber sel melalui kaedah kejuruteraan tisu. Ini adalah langkah permulaan dalam penjanaan tisu saraf periferi bagi merawat kecederaan saraf periferi, yang diharapkan kajian ini dapat diperdalam pada suatu masa kelak agar lebih banyak informasi diperolehi sebelum menapak kepada kajian klinikal .

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1.3.1 Objektif Umum Kajian

Objektif umum kajian ini ialah untuk menjana konstruk saraf menggunakan salur vena yang disumbat dengan tisu otot ternyah sel yang disemai dengan sel stem mesenkima yang diaruh kepada fenotip sel saraf melalui kaedah kejuruteraan tisu.

1.3.2 Objektif Khusus Kajian

1. Mengenalpasti morfologi dan profil pertumbuhan sel stem mesenkima manusia dan sel sel stem mesenkima manusia yang diaruh teraruh kepada fenotip sel saraf secara mengukur peratusan viabiliti, masa penggandaan dan analisa kitaran sel.
2. Menilai ciri-ciri sel stem mesenkima manusia dan sel stem mesenkima manusia yang diaruh kepada fenotip sel saraf menggunakan penanda sel Schwann dengan mengesan protein permukaan sel seperti S100b, reseptor p75 Faktor Pertumbuhan Saraf (NGF), Protein Glia Fibril Berasid (GFAP) dan Nestin melalui teknik imunofloresen dan menilai secara kuantitatif protein permukaan sel melalui teknik aliran sitometri.
3. Menilai bahan kerangka salur vena manusia yang dipadatkan dengan tisu otot manusia ternyah sel dan disemai dengan sel stem mesenkima manusia yang diaruh kepada fenotip sel saraf berdasarkan analisa histologi dan struktur ultra (SEM).
4. Menilai konstruk tisu saraf selepas implantasi pada lapisan otot mencit athymik (in vivo) secara analisa histologi dan struktur ultra (SEM).

1.4 HIPOTESIS

1 Sel stem mesenkima boleh dikultur di dalam media pengkulturan α-MEM dan profil pertumbuhan sel selepas proses diferensiasi tidak terganggu.

2 Sel stem mesenkima boleh diaruh kepada sel yang memiliki fenotip sel saraf secara in vitro dan mempamerkan penanda protein permukaan sel Schwann yang dikaji seperti S100b, Nestin, GFAP dan reseptor p75NGF.

3 Salur vena dan tisu otot ternyah sel merupakan bahan yang berpotensi untuk digunakan sebagai bahan kerangka dalam penghasilan konstruk saraf dalam menggalakkan perlekatan sel walaupun selepas menjalani siri rawatan menggunakan larutan kimia.

4 Konstruk saraf yang disemai dengan sel neuro diferensiasi sel stem mesenkima selepas implantasi menggalakkan proliferasi sel dan penghasilan matrik luar sel oleh sel yang disemai.

RUJUKAN

Abouelfetouh A., Kondoh T., Ehara K. & Kohmura, E. 2004. Morphological differentiation of bone marrow stromal cells into neuron-like cells after coculture with hippocampal slice. *Brain Res.* 1029:114–119.

Acar, M., Karacalar, A., Ayyildiz, M., Unal, B., Canan, S., Agar, E. & Kaplan, S. 2008. The effect of autogenous vein grafts on nerve repair with size discrepancy in rats: An electrophysiological and stereological analysis. *Brain Research* 1198:171-181.

Aebischer, P., Valentini R.F., Dario, P., Domenici, C. & Galletti, P.M. 1987. Piezoelectric guidance channels enhance regeneration in the mouse sciatic nerve after axotomy. *Brain Res.* 436:165-168.

Aminuddin, B.S., Chua, K.H., Mazlyzam, A.L., Fuzina, H., Isa, M.R., Lokman, B.S. & Ruszymah, B.H.I. 2003. Composite graft of tissue engineered skin and cartilage for the formation of human ear. 1st International Conference on Epithelial Technologies and Tissue Engineering, pg.13.

Arroyo, E.J. & Scherer, S.S. 2000. On the molecular architecture of myelinated fibers. Histochem *Cell Biol.* 113:1-18.

Atabay, K., Hong, C., Bentz, M.L. 1995. The use of the 'sliding epineurial sheath tube for repair of peripheral nerve defect. *Plast. surg. Forum* 18:121.

Atala, A. 2000. Tissue engineering of artificial organs. *J. Endourol.* 14:49-57.

Atchabahian, A., Doolabh, V.B., Mackinnon, S.E., et al. 1998. Indefinite survival of peripheral nerve allografts after temporary cyclosporin A immunosuppression. *Restor. Neurol. Neurosci.* 13: 129-139.

Ayahan, S., Yavuzer, R., Latifoglu, O., et al. 2000. Use of the turnover epineurial sheath tube for repair of peripheral nerve. *J Reconstr. Microsurg.* 16(5):371-377

Azizi, S.A., Stokes, D., Augelli, B.J., DiGirolamo, C., & Prockop, D.J. 1998. Engraftment and migration of human bone marrow stromal cells implanted in the brains of albino rats-similarities to astrocyte grafts. *Proc. Natl. Acad. Sci. USA* 95:3908–3913.

Bae, H.K. & Chung, D.J. Evaluation and preparation of tube type nerve guide for nerve tissue regeneration using biodegradable synthetic polymers through electro-spinning method. *IFMBE proceedings* 14(5):3354-3357.

Bain, J.R., Mackinnon, S.E., Hudson, A.R., Wade, J., Evans, P., et al. 1992. The peripheral nerve allograft in the primate immunosuppresed with cyclosporine A.I. Histologic and electrophysiologic assessment. *Plast. Reconstr. Surg.* 90: 1036-1046.

Bamber, N.I., Li, H., Aebischer, P., Xu, X.M. 1999. Fetal Spinal cord tissue in mini-guidance channels promotes longitudinal axonal growth after grafting into hemisected adult rat spinal cords. *Neural. Plast.* 6:103-121.

Bari, D.C., Dell'Accio, F., Tylzanowski, P. & Luyten, F.P. 2001. Multipotent mesenchymal stem cells from adult human synovial membrane. *Arthritis Rheum.* 44:1928-1942.

Bari, D.C., Dell'Acciom, F., Vandenabeele, F., Vermeesch, J.R., Raymackers, J.M. & Luyten, F.P. 2003. Skeletal muscle repair by adult human mesenchymal stem cells from synovial membranes. *J. Cell Biol.* 160:909-918.

Barlow, A.J., Wallace, A.S., Thapar, N. & Burns, A.J. 2008. Critical numbers of neural crest cells are required in the pathways from the neural tube to the foregut to ensure complete enteric nervous system formation. *Development* 135 (9): 1681–1691.

Benedetto, G.D., Lassner, F., Riccio, M., et al. 1998. The use of acellular autologus skeletal muscle grafts in peripheral nerve repair: a morphometrical-morphological study. *Clinical Materials* 16:137-413.

Benedetto, G.D., Zura, G., Mazzucchelli, R., Santinelli, A., Scarpelli, M. & Bertani, A. 1998. Nerve regeneration through a combined autologous conduit (vein plus acellular muscle grafts). *Biomaterials* 19:173-181.

Best, T.J., Mackinnon, S.E., Bain, J.R., Makino, A. & Evans, P.J. 1993. Verification of a tree vascularized nerve graft model in the rat with application to the peripheral nerve allograft. *Plast. Reconstr. Surg.* 92:516-525.

Boivin, A., Pineau, I., Barrette, B., Filali, M., Vallières, N., Rivest, S., et al. 2007. Toll-like receptor signaling is critical for Wallerian degeneration and functional recovery after peripheral nerve injury. *J. Neurosci.* 27(46):12565-12576.

Bolin, L.M. & Shooter, E.M. 1993. Neurons regulate Schwann cell genes by diffusible molecules. *J. Cell Biol.* 123:237-243.

Bosnakovski, D., Mizuno, M., Kim, G., Takagi, S., Okumura, M. & Fujinaga. T. 2005. Isolation and multilineage differentiation of bovine bone marrow mesenchymal stem cells. *Cell Tissue Res.* 319:243–253.

Brandt, J., Dahlin, L.B. & Lundborg, G. 1999. Autologous tendons used as grafts for bridging peripheral nerve defects. *J. Hand. Surg. [Br]* 24:284-290.

Brazelton, T.R., Rossi, F.M.V., Keshet, G.I. & Blau, H.M. 2000. From marrow to brain: Expression of neuronal phenotypes in adult mice. *Science* 290:1775–1779.

Brohlin, M., Mahay, D., Novikov, L.N., Terenghi, G., Wiberg, M., Shawcross, S.G. & Novikova. L.N. 2009. Characteristics of human mesenchymal stem cells following differentiation into Schwann cell-like cells. *Neurosci. Res.* 64:41-49.

Brunelli, G.A., Battiston, B., Vigasio, A., Brunelli, G. & Marocolo, D. 2005. Bridging nerve defects with combined skeletal muscle and vein conduits. *Microsurgery* 14: 247-251.

Bryan, D.J., Miller, R.A., Costas, P.D., et al. 1993. Immunocytochemistry of skeletal muscle basal lamina grafts in nerve regeneration. *Plast. Reconstr. Surg.* 92(5):927-940.

Bunge, R.P. 1994. The role of the Schwann cell in trophic support and regeneration. *J. Neurol.* 242:19-21.

Calder, J.S. & Norris, R.W. 1993. Repair of mixed peripheral nerves using autografts: a preliminary communication. *B.r J. Plast. Surg.* 46(7):557–564.

Cao, Y., Lui, Y., Lui, W., Shan, Q., Buonocore, S.D. & Cui, L. 2002. Bridging tendon defects using autologous tenocyte engineered tendon in a hen model. *Plast. Reconstr. Surg.* 110(5):1280-1289.

Cao, Y., Vacanti, J.P., Paige, K.T., Upton, J. & Vacanti, C.A. 1997. Transplantation of chondrocytes utilizing a polymer-cell construct to produce tissue-engineered cartilage in the shape of human ear. *Plast. Recontr. Surg.* 100(2):297-302.

Charles, A. Vacanti. & Langer, R. 1993. Tissue Engineering. *Science* 260: 920-926.

Charles, A. Vacanti. 2006. The history of Tissue Engineering. *J. Cell. Mol. Med.* 10 (3): 569-576.

Chen, L.E., Seaber, A.V., Urbaniak, J.R. & Murrell, G.A. 1994. Denatured muscle as a nerve conduit: a fuctional, morphologic and electrophysiologic evaluation. *J. Rescontr. Microsurg.* 10:137-144.

Cheng, W.L. & Lin, C.C. 2004. The effects of different electrical stimulation protocols on nerve regeneration through silicone conduits. *J. Trauma.* 56:1241-1246.

Chick, W.L., Like, A.A & Lauris, V. 1975. Beta cell culture on synthetic capillaries: an artificial endocrine pancreas. *Science* 187 (4179): 847-849.

Chiu, Dt. 1999. Autogenous venous nerve conduit. A review. *Hand. Clin.* 15:667-671

Chiu, D.T.W. & Strauch, B. 1990. A prospective clinical evaluation of autogenous vein grafts used as a nerve conduit for distal sensory nerve defects of 3 cm or less. *Plast. Reconstr. Surg.* 86:928-934.

Chiu, D.T.W., Janecka, I., Krizek, T., Wolff, M. & Lovelace, R.E. 1982. Autogenous vein graft as a conduit for nerve regeneration. *Surgery* 91:226-33.

Chiu, D.T.W., Janecka, I., Krizek, T., Wolff, M. & Lovelace, R.E. 1980. Autogenous vein graft as a conduit for nerve regeneration. *Surg. Forum* 31:550-557.

Chiu, D.T.W., Lovelace, R.E., Yu, L.T., Wolff, M., et al. 1988. Comparative electrophysiology evaluation of nerve grafts and autogenous vein grafts as nerve conduits: an experimental study. *J. Reconstr. Microsurg.* 4:303-309.

D'Ippolito, G., Schiller, P.C., Ricordi, C., Roos, B.A. & Howard, G.A. 1999. Age-related osteogenic potential of mesenchymal stromal cells from human vertebral bone marrow. *J. Bone Miner. Res.* 14:1115–1122.

Dahlin, B.L. & Brandt, J. 2004. Basic science of peripheral nerve repair: Wallerian Degeneration/growth cones. *Oper. Tech. Orthop.* 14:138-145.

Dahlin, L.B. 2004. Nerve injury and repair: Neurobiological aspect of relevance for the surgical treatment. *J. Am. Soc. Surg. Hand* (in press).

Dale, Woodbury., Emily, J., Schwarz, Darwin, J., Prockop, & Ira, B., Black. 2000. Adult Rat and Human Bone Marrow Stromal Cells Differentiate Into Neurons. *Journal of Neuroscience Research* 61:364–370.

Davies, A.M. 1996. Paracrine and autocrine actions of neurotrophic factors. *Neurochem. Res.* 21:749-753.

Davis, J.B. & Stroobant, P. 1990. Platelet-derived growth factors and fibroblast growth factors are mitogens for rat Schwann cells. *J. Cell Biol.* 110:1353-1360.

Decherechi, P., Lammari-Barreault, N., Cochard, P., Carin, M., Rega, P., Pio, J., Pellissier, J.F., Ladaique, P., Novakovitch, G., Gauthier, P. 1997. CNS axonal regeneration with peripheral nerve grafts cryopreserved by vitrification: cytological and functional aspects. *Cryobiology* 34:214-239.

Deng, W., Obrocka, M., Fischer, I. & Prockop, D.J. 2001. In vitro differentiation of human marrow stromal cells into early progenitors of neural cells by conditions that increase intracellular cyclic AMP. *Biochem. Biophys. Res. Com.* 282:148–152.

Deng, J., Petersen, B.E., Steindler, D.A., Jorgensen, M.L. & Laywell, E.D. 2006. Mesenchymal stem cells spontaneously express neural proteins in culture and are neurogenic after transplantation. *Stem Cells* 24:1054-1064.

Dezawa, M., Takahashi, I., Esaki, M., Takano, M. & Sawada, H. 2001. Sciatic nerve regenerations in rats induced by transplantation of in vitro differentiation bone marrow stromal cells. *Eur. J. Neurosci.* 14;1771-1776.

Evans, G.R., Brandt, K., Katz, S., Chauvin, P., Otto, L., Bogle, M., Wang, B., Meszlenyi, R.K., Lu, L., Mikos, A.G., & Patrick Jr., C.W., 2002. Bioactive poly(L-lactic acid) conduits seeded with Schwann cells for peripheral nerve regeneration. *Biomaterials* 23:841–848.

Evans, G.R.D. 2003. Approaches to tissue engineering peripheral nerve. *Clin. Plastic Surg.* 30: 559-563.

Evans, P.J., Midha, R., & Mackinnon, S.E. 1994. The peripheral nerve allograft: A comprehensive review of regeneration and neuroimmunology. *Prog. Neurobiol.* 43:187.

Ferrari, F., De, Castro, Rodrigues, A., Malvezzi, C.K., Siva, M.D.P. & Padovani, C.R. 1999. Inside-out vs. Standard vein graft to repair a sensory nerve in rats. *Anat. Rec.* 256:227-32.

Fansa, H., Schneider, W., Wolf, G. & Keilhoof, G. 2002. Influence of insulin-like growth factor-I (IGF-I) on nerve autografts and tissue-engineered nerve grafts. *Muscle Nerve* 26:87-93.

Fansa, H. & Keilhoff, G. 2004. Comparison of different biogenic matrices seeded with cultured Schwann cells for bridging peripheral nerve defects. *Neurol. Res.* 26:167-173.

Fawcett, J.W. & Keynes, R.J. 1986. Muscle basal lamina: A new graft material for peripheral nerve repair. *J. Neurosurg.* 65:354-363.

Fawcett, J.W. & Keynes, R.J. 1990. Peripheral nerve regeneration. *Annu. Rev. Neurosci.* 13:43-60.

Feneley, M.R., Fawcett, J.W. & Keynes, R.J. 1991. The role of Schwann cells in the regeneration of peripheral nerve axons through muscle basal lamina grafts. *Exp. Neurol.* 114:275-285.

Ferrara, G. 1608. Nuova selva di cirurgia divisia in tre parti venice. *S Combi.*

Ffrench-Constant, C., Colognato, H. & Franklin, R.J. 2004. Neuroscience. The mysteries of myelin unwrapped. *Science* 304:688.

Fournier, A.E. & Strittmatter, S.M. 2002. Regenerating nerves follow the road more traveled. *Nat. Neurosci.* 5:821-822.

Friedensten, A.J., Gorskaja, U. & Kalugina, N.N. 1976. Fibroblast precursors in normal and irradiated mouse hematopoietic organs. *Exp. Hematol.* 4:267-274.

Gallo, G. & Letourneau, P.C. 2004. Regulation of growth cone actin filaments by guidance cues. *J. Neurobiol.* 58:92-102.

Gattuso, J., Glasby, M.A., Gschneissner, S. & Norris, R.W. 1989. A comparison of immediate and delayed repair of peripheral nerve using freeze-thawed autologous sketetal muscle grafts in the rat. *Br. J. Plast. Surg.* 65:354-363.

Gattuso, J.M., Davies, A.H., Glasby, M.A., et al. 1988. Peripheral nerve repair using muscle autograft: recovery of transmission in primates. *J. Bone Joint Surg. (Br)* 70:524-529.

